



## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

*Department Of Veterinary Services*

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani  
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2  
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4  
62630 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2201

Faks : 603-8888 6051

E-mel : [respon@dvs.gov.my](mailto:respon@dvs.gov.my)

Laman Web : [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)

### KENYATAAN MEDIA

#### **STATUS TERKINI PENYAKIT AFRICAN SWINE FEVER (ASF) PADA BABI KOMERSIAL DI DAERAH KERIAN, PERAK**

**PUTRAJAYA, 23 September 2022:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ingin mengesahkan bahawa tindakan susulan telah dilakukan terhadap kejadian penyakit *African Swine Fever (ASF)* di **dua (2) ladang babi komersial di daerah Kerian, Perak.** **Pemusnahan baki populasi babi** di dua (2) ladang babi komersial terjangkit dan pelupusan bangkai secara tanam **telah selesai.** Manakala, **penyitaan, penutupan dan proses disinfeksi** ke atas dua (2) ladang babi komersial terlibat **sedang dijalankan.**

DVS juga telah membuat pemantauan (survelan), pemeriksaan klinikal dan persampelan di ladang babi komersial dalam kawasan terjangkit (Zon Pemantauan/Survelan), termasuk rumah sembelih di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Survelan lapangan dan siasatan serta persampelan pada babi komersial dipergiatkan lagi di ladang dan rumah sembelih, dan syarat pindah babi serta produk babi dari negeri Perak ke seluruh Semenanjung Malaysia telah diperketatkan.

Selaras dengan itu, semua ladang babi komersial diminta **memperkuuh amalan dan kemudahan biosekuriti di premis masing-masing** bagi mencegah kemasukan penyakit ASF, antaranya **pagar perimeter mestilah lengkap** bagi mengelak pencerobohan orang dan haiwan liar (termasuk babi hutan). Penternak juga dinasihatkan untuk **tidak menghantar babi ke rumah sembelih** sekiranya ada tanda klinikal disyaki penyakit di ladang. Kenderaan pengangkut babi mesti melalui **proses disinfeksi secara menyeluruh meliputi permukaan luar dan**

**dalam lori**, sebelum dan selepas keluar dari kawasan rumah sembelih. Proses disinfeksi ini meliputi keseluruhan termasuk pakaian dan peralatan ladang menggunakan **disinfektan yang bersesuaian** mengikut sukatan dan bantuan yang dinyatakan **pada label**.

Sehubungan itu, dalam usaha mengekang penularan, **pelawat tidak digalakkan berkongsi kenderaan pengangkut babi dengan ladang lain**. Penternak dan pekerja ladang babi turut dinasihatkan untuk **tidak melawat ladang babi yang lain** bagi mengurangkan risiko jangkitan ASF, dan mesti melalui proses disinfeksi sebelum dan selepas keluar dari kawasan ladang. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak membeli babi hidup secara terus dari ladang atau kenderaan pengangkut babi, dan diminta agar tidak panik, kerana penyakit ASF adalah tidak zoonotik (tidak berjangkit kepada manusia).

Setakat ini, tiada laporan atau aduan kematian babi yang tinggi diterima dari daerah Kerian. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku sebarang **kematian luar biasa melebihi 5 ekor/hari** tanpa mengira peringkat umur di **ladang babi komersial**, **kematian luar biasa melebihi 3 ekor/lori di rumah sembelih**, dan **tanda klinikal disyaki penyakit berjangkit** di ladang babi dan rumah sembelih, semua penternak babi, doktor veterinar swasta (*servicing vet*), penyembelih (*butcher*), operator rumah sembelih, penangkap babi (*pig catcher*) dan orang ramai untuk melaporkan dengan **kadar segera**.

DVS boleh dihubungi melalui Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri yang berdekatan atau terus ke Hotline Bilik Pengurusan Krisis Jabatan Perkhidmatan Veterinar Putrajaya menerusi **No. Tel: 03-8870 2041**.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)**

**23 SEPTEMBER 2022**